



Tatakelakuan Pengedar



ENGINEERING YOUR SUCCESS.

Pengenalan

Tatakelakuan Pengedar Parker Hannifin (Tatakelakuan) menetapkan keperluan dan jangkaan minimum berkenaan dengan pematuhan kepada undang-undang dan kelakuan perniagaan yang boleh diterima untuk pengedar Parker. Keperluan dan jangkaan yang ditetapkan dalam Tatakelakuan ini dikenakan terhadap semua pengedar Parker, tidak kira lokasi atau kawasan perniagaan pengedar. Pengedar juga harus mematuhi undang-undang, arahan dan peraturan tempatan yang berkaitan. Pengedar juga digalakkan supaya memperkenalkan dasar, standard, prosedur atau tatacara yang lebih tegas daripada keperluan dan jangkaan ini.

Kami di Parker memahami bahawa kejayaan kami tidak berdasarkan semata-mata pada kualiti produk, tetapi juga pada pengalaman pelanggan utama, integriti perniagaan, pematuhan dan kelakuan yang bertanggungjawab. Prinsip-prinsip ini diharapkan bukan sahaja daripada kakitangan kami, tetapi juga daripada pengedar kami.

Apabila menerima maklumat bahawa pengedar gagal mematuhi Tatakelakuan ini, Parker akan memberitahu pihak pengurusan pengedar dan membincangkan apa-apa tindakan pemulihan atau pembetulan. Ketidakpatuhan kepada Tatakelakuan akan dianggap melanggar obligasi pengedar yang penting terhadap Parker dan boleh mengakibatkan remedi termasuk penamatan hubungan perniagaan dengan Parker.

Tatakelakuan ini menambah, tetapi tidak menggantikan, apa-apa hak yang dikekalkan oleh Parker di bawah sebarang kontrak dengan pengedar. Parker mempunyai hak untuk mengaudit atau meneliti semula pematuhan pengedar kepada Tatakelakuan ini.



Isi Kandungan

Dimensi Ekonomi

Rasuah dan Sogokan	4
Persaingan Saksama.....	4
Penipuan	5
Pemberian atau Penerimaan Hadiah, Perjalanan atau Hiburan.....	5
Pengubahan Wang Haram/Pembiayaan Aktiviti Jenayah.....	6
Harta Intelektual & Sulit	6
Perdagangan Orang Dalam.....	6
Privasi Data	7
Undang-undang Perdagangan	7

Dimensi Manusia & Alam Sekitar

Hak Asasi Manusia	8
Keselamatan	9
Standard Alam Sekitar	9

Dimensi Ekonomi

Falsafah perniagaan Parker ialah kami akan memperoleh perniagaan hanya berdasarkan merit dan integriti produk, perkhidmatan dan kakitangan kami. Kami tidak bertoleransi atau menyokong apa-apa amalan perniagaan yang menyalahi undang-undang atau korup dan kami mengharapkan yang sama daripada pengedar kami.

1. Rasuah dan Sogokan

Pengedar tidak harus sekali-kali menawar, memberi, berjanji atau menerima apa-apa yang bernilai yang boleh dianggap sebagai bayaran untuk memperoleh kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Bayaran pemudahan (contohnya, bayaran nominal untuk mempercepat tindakan kerajaan yang rutin dan wajib) juga dilarang.

Pengedar harus mematuhi Akta Amalan Rasuah Asing A.S., Akta Antisogokan A.S. dan Akta Rasuah UK (UK Bribery Act), serta undang-undang antirasuah dan antisogokan di semua negara yang kami jalankan perniagaan.

2. Persaingan Saksama

Parker percaya akan persaingan bebas dan terbuka serta mematuhi sepenuhnya undang-undang antitrust dan persaingan di setiap negara yang kami jalankan perniagaan. Pengedar tidak harus memberikan gambaran yang salah tentang ciri produk atau perkhidmatan Parker, bertindak secara tidak jujur atau terlibat dengan mana-mana amalan antisaiing atau tidak adil yang lain. Pengedar harus mengelakkan daripada mewujudkan gambaran kelakuan yang tidak wajar.

Pengedar dikehendaki mematuhi semua undang-undang dan peraturan antitrust dan persaingan yang berkaitan. Amalan persaingan yang sihat dan saksama termasuk:

- Pembidaan yang bebas daripada pesaing;
- Tidak membincangkan amalan pembidaan dengan pesaing;
- Tidak membuat perjanjian, amalan terselaras atau persefahaman yang boleh menghadkan persaingan;
- Tidak bertukar-tukar maklumat sensitif dengan pesaing (termasuk, penentuan harga, kos, data pengeluaran, data pasaran, wilayah jualan, saluran pengedaran, senarai pelanggan atau maklumat perniagaan bukan awam lain); dan
- Hanya mengumpulkan maklumat tentang pesaing menggunakan cara yang beretika dan sah di sisi undang-undang.

3. Penipuan

Parker tidak akan bertoleransi apa-apa tindakan yang melibatkan kecurian, penipuan, pemalsuan, penggelapan wang atau pelepasan mana-mana aset Parker atau pelanggan. Tindakan yang tidak jujur ini bertentangan dengan nilai-nilai dan budaya Parker. Pengedar tidak harus terlibat dalam sebarang salah laku sedemikian termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Mencuri dana atau harta;
- Menyalahgunakan sumber untuk tujuan peribadi;
- Membuat atau menyerahkan tuntutan yang palsu;
- Memalsukan invoice atau membuat laporan atau dokumen yang palsu;
- Memberikan gambaran yang salah tentang sifat urus niaga; dan
- Sengaja memfailkan rekod atau penyata kewangan yang palsu.

4. Pemberian atau Penerimaan Hadiah, Perjalanan atau Hiburan

Pemberian hadiah, perjalanan atau hiburan boleh jadi wajar di bawah sesetengah keadaan, tetapi ia juga boleh mewujudkan gambaran perbuatan yang tidak elok dan/atau melanggar undang-undang. Pengedar Parker tidak boleh sekali-kali menawar, memberi, meminta atau menerima apa-apa yang bernilai sebagai balasan untuk memperoleh manfaat perniagaan yang tidak wajar atau mempengaruhi tindakan atau keputusan secara tidak wajar.

Pengedar harus memastikan bahawa apa-apa hadiah, perjalanan dan hiburan adalah dibenarkan mengikut Tatakelakuan ini dan semua undang-undang yang berkaitan dan bahawa ia sentiasa sederhana dan tidak kerap, munasabah, direkodkan dengan betul dan untuk tujuan yang sah. Hadiah, perjalanan dan hiburan yang mewujudkan gambaran perbuatan yang tidak elok atau yang menyalahi undang-undang, mewah, kerap, lucah dan/atau sebagai balasan untuk memperoleh kelebihan perniagaan yang tidak wajar dilarang dengan tegas.



5. Perubahan Wang Haram/Pembiayaan Aktiviti Jenayah

Pengedar harus mengelakkan dan tidak melibatkan diri sama ada perubahan wang haram atau pembiayaan aktiviti jenayah, termasuk keganasan. Pengedar harus mengambil langkah-langkah untuk mencegah penggunaan sumber perniagaan tanpa sengaja bagi tujuan ini dan harus berjaga-jaga terhadap aktiviti atau urus niaga yang luar biasa atau mencurigakan. Ini boleh termasuk percubaan pembayaran secara tunai atau daripada sumber pembiayaan yang luar biasa, aturan yang melibatkan pemindahan wang ke atau dari negara atau entiti yang tidak berkaitan dengan urus niaga atau pelanggan tersebut, urus niaga yang luar biasa rumitnya yang tidak menggambarkan tujuan perniagaan sebenar atau percubaan untuk mengelakkan keperluan penyimpanan rekod atau pelaporan.

Pengedar harus mematuhi undang-undang pencegahan perubahan wang haram dan pencegahan keganasan yang berkaitan.

6. Harta Intelektual dan Sulit

Pengedar harus menghormati harta intelektual dan maklumat proprietari Parker, tidak mendedahkannya kepada mana-mana pihak ketiga tanpa keizinan Parker dan hanya menggunakannya seperti yang diarahkan oleh Parker. Selain itu, pengedar harus melindungi maklumat yang diterima daripada Parker dan pelanggan yang menggunakan produk Parker, mengendalikan maklumat sedemikian sekurang-kurangnya dengan tahap kerahsiaan yang sama seperti pengedar mengendalikan maklumat proprietarinya sendiri. Tambahan, pengedar harus menghormati hak harta intelektual dan maklumat sulit milik pihak ketiga dan harus mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengelakkan pelanggaran hak harta intelektual pihak lain.

7. Perdagangan Orang Dalam

Pengedar harus memastikan bahawa maklumat bukan awam yang diperolehi semasa menjalankan hubungan perniagaannya dengan Parker atau pihak ketiga tersenarai awam tidak digunakan untuk apa-apa tujuan yang tidak wajar. Pengedar harus memastikan kakitangan mereka dan pihak yang berkaitan tidak sekali-kali berjual beli saham dalam mana-mana syarikat berdasarkan maklumat dalaman, tidak sekali-kali mendedahkan maklumat dalaman atau menggalakkan sesiapa sahaja untuk membuat keputusan berjual beli saham berdasarkan maklumat dalaman.

8. Privasi Data

Pengedar harus menyimpan maklumat peribadi pelanggan, pembekal dan kakitangan Parker dengan sulit dan selamat. Selain itu, pengedar harus mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan tentang pemindahan, pemprosesan dan pengekalan maklumat peribadi. Akses kepada maklumat peribadi harus dihadkan kepada kakitangan pengedar yang ditetapkan sebagai mempunyai keperluan untuk mengetahui maklumat itu bagi tujuan perniagaan yang sah atau undang-undang.

9. Undang-undang Perdagangan

Pengedar dikehendaki mematuhi semua undang-undang yang berkaitan, termasuk di A.S. dan negara-negara lain, yang mengawal pengimportan, pengeksporan dan pengeksporan semula barangan, perkhidmatan, perisian dan teknologi Parker. Undang-undang ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada: embargo perdagangan; sekatan ekonomi; peraturan kawalan eksport; peraturan antiboikot A.S.; peraturan cukai; dan keperluan keselamatan kargo. Pengedar mesti mendapat kebenaran eksport terlebih dahulu untuk produk terkawal Parker, seperti diperlukan, dan tidak harus menggunakan, mengekalkan, memindahkan, mengirim atau mengeksport semula sebarang produk Parker berhubung dengan urusan perniagaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan negara-negara yang dilarang atau disekat (termasuk pada masa ini Cuba, Iran, Korea Utara, Kawasan Darfur Sudan dan Syria) atau dengan mana-mana pihak yang tidak dibenarkan atau dilarang tertakluk pada sekatan perdagangan mengikut peraturan eksport A.S., U.K., E.U. atau berkaitan yang lain.



Dimensi Manusia & Alam Sekitar

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dari segi sosial, Parker komited untuk membuat sumbangan yang bermakna dan positif secara global dan kepada komuniti di tempat kami menjalankan perniagaan. Menggalakkan hak asasi manusia dan melindungi alam sekitar ialah tradisi Parker yang penting dan kami mengharapkan pendedar kami untuk menggambarkan komitmen yang sama ini.

Item-item berikut menyatakan satu per satu jangkaan Parker yang penting, tetapi Parker menggalakkan pendedarnya supaya melebihi keperluan minimum ini.

10. Hak Asasi Manusia

Parker menghormati semua hak asasi manusia dan telah mewujudkan program berdasarkan standard global dan undang-undang serta peraturan yang berkaitan, termasuk Akta Perhambaan Zaman Moden 2015 UK, untuk menyokong hak asasi manusia. Kami mengharapkan pendedar kami berkongsi nilai-nilai ini dan sekurang-kurangnya mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan yang menggalakkan dan melindungi hak pekerja di serata dunia.

Parker mengharapkan semua kakitangan pendedar akan dilayan dengan rasa hormat dan maruah di samping bekerja dalam persekitaran yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan yang menyalahi undang-undang serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan buruh paksa atau terikat, pemerdagangan manusia, buruh kanak-kanak, waktu kerja, upah dan faedah serta kesihatan dan keselamatan. Pendedar harus memastikan dalam semua keadaan bahawa pekerjaan dengan mereka merupakan pilihan yang bebas dan tidak harus wujudnya buruh paksa, terikat atau kanak-kanak.

Pendedar harus sekurang-kurangnya memperuntukkan kakitangan mereka waktu kerja biasa yang selaras dengan undang-undang atau gaji minimum yang disetujui bersama dan standard industri. Pendedar harus membayar gaji dan faedah yang mematuhi semua undang-undang dan peraturan tempatan yang berkaitan termasuk yang berkaitan dengan upah minimum, kerja lebih masa dan elemen pampasan yang lain.



11. Keselamatan

Pengedar harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan kesihatan dan keselamatan yang berkaitan. Pengedar dan kakitangan mereka wajib mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Pengedar harus menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan bersih, peralatan perlindungan yang sesuai dan latihan yang memadai kepada kakitangan mereka untuk melakukan tugas berkaitan mereka.

12. Standard Alam Sekitar

Pengedar harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan dengan perniagaan mereka dan bekerja dengan tekun untuk meminimumkan kesan perniagaan mereka terhadap alam sekitar. Pengedar diharapkan untuk melakukan amalan perniagaan yang memelihara dan melindungi alam sekitar, menyumbang kepada komuniti di tempat mereka beroperasi dan mempamerkan kebertanggungjawapan dan ketelusan berkaitan dengan kelayakan alam sekitar mereka.



Parker Hannifin Corporation
**Office of Audit, Compliance
and Enterprise Risk Management**
6035 Parkland Boulevard Cleveland, OH
44124-4141 USA
www.parker.com